

PENULISAN KREATIF DALAM MENJANA MINDA DAN SUMBER PENDAPATAN BELIA

SITI KHARIAH MOHD ZUBIR

ABSTRAK

Penulisan kreatif ialah apa-apa penulisan yang bertujuan untuk menyatakan pemikiran, perasaan dan emosi berbanding dengan karya memberitahu maklumat. Sesungguhnya, jika seseorang belia itu berminat untuk menulis atau menjadi seseorang penulis, bolehlah mereka menceburkan diri dalam bidang penulisan kreatif. Para belia digalakkan menceburkan diri dalam bidang penulisan kreatif untuk dua tujuan penting, iaitu untuk menjana minda dan juga menjadi sumber pendapatan dari hasil penulisan kreatif. Ramai penulis kreatif di dunia kaya dan hidup senang lenang daripada hasil penulisan mereka. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hassan berteraskan falsafah kesepaduan pemikiran.

Kata Kunci: Kreatif, Menjana Minda, Sumber Pendapatan

ABSTRACT

Creative writing is any writing that express thoughts, feelings and emotions rather than the works that tell information. Indeed, if teenagers are interested to write, let them venture into creative writing. The teenagers are encouraged to venture into creative writing of for two important reasons, namely to generate the mind and also as a source of income. Creative writers in the world are rich and having a good life, because of their writing. This study was carried out using 4K Integrated Thinking System Theory (SPB4K) introduced by Mohd Yusof Hassan based on the philosophy of thinking integration.

Keywords: Creative, Generating Mind, Source Of Income

PENGENALAN

Penulisan kreatif merupakan bidang ilmu yang sentiasa berkembang dari masa ke masa, sesuai dengan perubahan pemikiran manusia, teknologi dan gaya kreativiti manusia. Apapun perubahan yang berlaku dalam bidang penulisan kreatif, sama ada dari segi teori dan amali hanya golongan penulis yang cekal, beriltizam dan serius sahaja yang akan kekal dalam penglibatan mereka sebagai penulis.

Talib Samat (2006: V) menjelaskan bahawa sebahagian penulis akan hilang bagai buih-buih di laut kerana mereka menulis sekadar untuk lulus peperiksaan atau sekadar mengisi masa lapang mereka sahaja. Ertinya mereka tiada matlamat dan tujuan sebenar mereka menulis. Hal inilah yang perlu diperbetulkan terlebih dahulu sekiranya mereka betul-betul jujur atau ikhlas dalam berkarya.

Menjadi seorang penulis, tidaklah tersohor seperti seorang penyanyi atau pelakon. Walau bagaimanapun, melibatkan diri dalam seni penulisan, barangkali jauh bezanya dengan seni yang lain. Setelah membaca sebuah karya kreatif yang baik, dirasakan suatu kepuasan yang tidak dapat diterjemahkan.

Meletakkan diri sebagai seorang penulis tidak semudah membaca sebuah karya sastera. seorang penulis perlu ada bakat, perlu mengalami sebanyak mungkin pengalaman, perlu menimba banyak ilmu, tentunya daripada buku-buku dan perlu kepada disiplin diri yang baik. Mohd Azli Lee Abdullah dan Mohd Isnin Tawaf (1997:2) menyatakan perkara yang menyentuh soal bakat, barangkali banyak yang boleh dipertikaikan. Banyak pendapat mengatakan bahawa semua manusia normal berbakat dalam semua bidang. Bakat boleh diasah. Contohnya, kursus penulisan yang terdapat di pusat pengajian tinggi berjaya melahirkan sejumlah penulis. Malah ramai dalam kalangan mereka tidak pernah bercita-cita menjadi seorang penulis. Namun setelah dilatih dan diberi pendedahan, mereka boleh menghasilkan karya yang relatifnya baik.

Pengalaman menulis penulisan kreatif adalah sesuatu yang mahal dalam hidup ini yang penuh dengan cerita suka duka yang perlu dikongsi bersama dengan sesiapa sahaja termasuk golongan pelajar dan golongan pencinta ilmu sebagai motivasi, pengajaran dan perbandingan. Melengkapkan diri sebagai seorang penulis tentunya tidak sempurna selagi tiada berdisiplin dalam melakukan kerja menulis. Tanpa disiplin yang baik barangkali kerja-kerja dilakukan sering tergendala dan jauh daripada sempurna. Oleh yang demikian, kerja menulis memerlukan disiplin diri yang baik supaya dapat menyiapkan kerja sebagaimana yang diharapkan dan kerja itu memuaskan diri sendiri dan orang lain. Tiada satu pun yang mudah dalam hidup ini. Semuanya perlu ditempuh dengan semangat perjuangan, dedikasi, kerja keras dan tidak mudah menyerah kalah kepada suasana dan keadaan.

Penulisan kreatif merupakan satu bidang yang boleh dijadikan kerjaya sepenuh masa yang menguntungkan dan membantu kedudukan ekonomi bagi mereka yang benar-benar serius. Memandangkan penganggur dalam kalangan belia yang berkelulusan semakin ramai bilangannya, maka para belia disyorkan menceburkan diri dalam bidang penulisan kreatif yang boleh menjanjikan pulangan yang baik dari segi pendapatan. Para belia boleh menulis mengikut kreativiti masing-masing dan tidak terbatas kepada satu-satu genre sahaja. Penulis yang kreatif dan proaktif ialah mereka yang menguasai bidang penulisan kreatif dan boleh memanfaatkannya bila-bila perlu dalam kehidupan mereka.

OBJEKTIF KAJIAN

Pada dasarnya objektif kajian ini adalah untuk:

- (i) Menenal pasti minda belia sejauhmana dapat dijana melalui penulisan kreatif
- (ii) Menenalpasti bagaimana penulisan kreatif boleh menghasilkan pendapatan untuk para belia

KONSEP PENULISAN KREATIF

Penulisan adalah suatu bentuk kebebasan untuk setiap insan yang menulis. Penulisan kreatif adalah apa saja, di mana penulisnya menggambarkan buah fikiran, gejala perasaan, daya imaginasi dan daya kreativiti yang tentunya unik apabila penulisnya hanya melaporkan peristiwa ataupun berita. Penulisan kreatif digarap dengan bahasa yang segar, menyusun ayat yang indah lagi mencabar dan berunsur murni. Ayan, Jordan E (2002) mendefinisikan penulisan kreatif sebagai kemampuan untuk mengendalikan fikiran-fikiran kreatif yang bergumul dalam fikiran seseorang dan untuk menyusunnya ke dalam sebuah kalimat dengan struktur yang baik. Penulis kreatif menyimpan banyak imaginasi kerana tidak semua imaginasi adalah fikiran-fikiran yang kreatif. Kreativiti lahir dalam fikiran yang mampan dan matang.

Penulisan kreatif ialah apa-apa penulisan yang bertujuan untuk menyatakan pemikiran, perasaan dan emosi, berbanding dengan hanya memberikan maklumat. Ia juga boleh ditakrifkan sebagai pengungkapan pemikiran dan perasaan penulis dengan cara yang imaginatif, seringnya unik dan indah bunyinya. Definisi penulisan kreatif di atas diambil daripada www.dailywritingtips.com.

Mahaya Mohd Yassin (2009) mentakrifkan penulisan kreatif sebagai pengolahan dan penghasilan karangan, ciptaan karya atau cerita seperti novel, cerpen, drama dan puisi. Sebelum terhasil sesebuah penulisan kreatif, seseorang itu perlu berfikir kreatif sama ada secara dirangsang, dibimbing atau yang semarak sendiri-sendiri. Manakala Mana Sikana (2005:181) menjelaskan bahawa penulisan kreatif ialah proses penciptaan yang dimulai dengan dorongan untuk menulis, timbulnya ilham, penyusunan fikiran, pematangan dan penggarapannya memberi kesan dan impak kepada hanya yang akan ditulis.

Teori Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K)

Teori Sistem Pemikiran Bersepadu pada awalnya dikenali sebagai teori SPB4L yang diperkenalkan oleh Mohd Yusuf Hassan seorang tokoh pemikir dan sarjana dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Teori SPB4K adalah singkatan nama Sistem Pemikiran Bersepadu. Manakala 4K mewakili empat istilah iaitu Ketuhanan, Kesaintifikan, Kebitaraan dan Kekreatifan. Teori SPB4K merupakan teori pendidikan pemikiran. Pemikiran adalah kegiatan dan proses penggunaan akal manusia untuk berbagai-bagai tujuan dalam kehidupan.

Teori SPB4K, sama sifatnya dengan *teori Psikoanalisis Klasik* oleh Freud yang menyelongkari aspek kejiwaan manusia dibawah sadar bagi mengesan perilaku dan tindak tanduk manusia di atas sadar. Berdasarkan pemikiran Freud tentang aspek bawah sadar telah membuka minda pengkritik sastera untuk menyelongkari aspek bawah sadar pengarang sebagai sangat relevan dengan proses penghasilan karya.

Teori SPB4K berteraskan kepada falsafah kesepaduan pemikiran. Kesepaduan ini mestilah wujud dalam diri setiap individu supaya menjadi kemahiran

dan amalan dalam kehidupan seharian., beliau menyatakan bahawa pemikiran yang perlu disepadukan itu ialah pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan. Keempat-empat kemahiran pemikiran ini perlu dimiliki secara seimbang dan bertimbal balik dan bukannya secara berasingan. (Mohd Yusof Hassan, 2001 ;3).

Pemikiran Kerohanian merupakan pemikiran yang suci murni, tinggi darjatnya kudus sifatnya dan syahdu martabatnya. Ianya berkaitan dengan unsur keagamaan, ketauhidan dan keesaan Tuhan. Pemikiran ini juga menggambarkan falsafah dan kepercayaan manusia dan turut dianggap sebagai pemikiran keimanan. Dalam agama Islam, pemikiran kerohanian melihatkan hubungan dan komunikasi manusia secara vertikal iaitu manusia sebagai hamba sekaligus sebagai khalifah yang berhubungan terus dengan Allah. Manakala hubungan manusia secara horizontal pula melibatkan hubungan manusia sesama manusia dan alam.

Melalui pemikiran kebitaraan, pemikiran ini merupakan pemikiran yang berkaitan dengan perkembangan otak manusia yang membawa kepada kemahiran kecemerlangan, kegemilangan, kebestarian dan kepandaian. Pemikiran ini khusus untuk satu peringkat awal kejadian manusia, iaitu daripada kandungan rahim hingga kepada umur kanak-kanak. Dalam agama Islam, ianya mementingkan asas kekeluargaan yang bermula daripada perkahwinan manusia, hubungan suami isteri, mengandung, penjagaan pendidikan asas semasa bayi dan pendidikan kanak-kanak. Oleh yang demikian penggunaan pemikiran kebitaraan dalam karya sastera adalah untuk memperlihatkan dan menampilkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat. Perwatakan haruslah ceria positif, kreatif dan soleh. Hal ini bertujuan supaya watak-watak yang terdapat dalam sesebuah karya dapat ditonjolkan dari segi peranannya dalam menyelesaikan sesuatu konflik dan menjadi tauladan kepada pembaca.


Pemikiran kesaintifikan merupakan pemikiran yang bersifat logik, saintifik yang membawa kepada kebenaran, kepastian, ketepatan dan kegunaan fakta dan angka. Dalam komunikasi sehari-hari antara manusia dalam penulisan dan pembacaan, pertuturan dan pendengaran, manusia perlu menggunakan ilmu logik. Logik ialah proses penakulan yang membawa kepada keputusan seperti idea, fakta atau keputusan. Ilmu logik ialah keseluruhan proses yang membawa kepada keputusan melalui penakulan yang berdasarkan bukti-bukti yang jelas dan konkrit. Oleh yang demikian, melalui penghasilan sesebuah karya yang berteraskan pemikiran kesaintifikan , sesebuah karya haruslah mengemukakan latar belakang yang real atau benar-benar wujud, menggunakan latar tempat yang indah permai, suasana yang kondusif, latar masa yang sesuai, fakta yang jelas, nada yang positif, zaman yang relevan dan waktu yang jelas.

Pemikiran kekreatifan merujuk kepada pemikiran yang bersifat lateral yang membawa maksud Inovatif, kreatif, idea baharu, kesenian, keindahan dan kecantikan. Objektif pemikiran ini adalah untuk memahami kepentingan pemikiran

dan tempatnya dalam pemikiran manusia. Melalui pemikiran lateral, terdapat teknik-teknik untuk mengenali pemikiran kreatif, seseorang dapat menambahkan kesedaran tentang cara memperkembangkannya dan mempergunakan kreativiti dalam diri dengan mempelajari perbezaan penting antara kaedah-kaedah penyelesaian masalah dan membuat sesuatu keputusan. Seseorang juga dapat mempelajari satu pendekatan sistematik untuk mencari peluang bagi semua peringkat pengurusan. Dalam kaitannya dengan penghasilan sesebuah karya sastera, seseorang pengarang yang mempunyai kemahiran pemikiran lateral, seharusnya menampilkan teknik penceritaan yang kreatif dan bermutu tinggi. Dalam teknik penulisan, ianya merujuk kepada pembinaan plot cerita yang kompleks tetapi mudah untuk diikuti dan difahami oleh pembaca.

Keempat-empat jenis pemikiran dalam teori ini dapat digambarkan seperti berikut.

Rajah 1 : Teori SPB4K (Mohd Yusof Hassan, 2007: 149)



Teori ini percaya bahawa sebuah masyarakat yang memiliki sifat pemikiran yang berteraskan 4K mampu melahirkan pengarang dan karya yang bersifat sepadu dan komprehensif sesuai dengan keperluan asasi jasmani, empat perkara yang saling kait mengait antara satu sama lain iaitu masyarakat, pengarang, karya dan pembaca. Keempat-empat perkara ini memiliki empat pemikiran yang sama.

“Bagi pemikiran Lahir, seseorang insan haruslah menampilkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat. Perwatakan seseorang harus ceria positif, kreatif dan soleh. Bagi pemikiran logik, seseorang itu harus mengemukakan latar yang real, tempat yang indah, permai, suasana yang kondusif, masa yang sesuai, nada yang positif, zaman yang relevan dan waktu yang jelas. Begitu juga dengan pemikiran Lateral pula seseorang seharusnya menampilkan perawakan yang kreatif dan bermutu tinggi”.

(Mohd Yusof Hassan 2007:30-31)

Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) dipilih untuk menganalisis kajian kerana teori ini mempunyai kekuatan tentang pemikiran sebagai salah satu disiplin falsafah moden yang menjadi teras dalam sistem ilmu pendidikan millenium ke-21. Pemikiran adalah kegiatan dalam proses penggunaan akal manusia untuk berbagi-bagai tujuan dalam kehidupan. Akal adalah organ pertama yang mula-mula dicipta Tuhan dalam usia enam hari selepas benih lelaki dan benih perempuan bertemu dalam rahim ibunya.

“Akal” adalah bentuk fizikal, manakala “minda” adalah proses penggunaan akal atau pemikiran. Pemikiran bertujuan untuk mengenali Tuhan dan kehidupan bagi menyelesaikan masalah dan mengambil keputusan demi kesejahteraan dan kebahagiaan hidup manusia. Seseorang yang ingin menceburkan diri dalam penulisan kreatif hendaklah seorang yang pemikir. Pemikiran bermaksud satu proses mendidik dan mengajar supaya manusia bijak dan pandai menggunakan akal fikiran secara formal dan informal.

Setiap penulis atau pengkarya penulisan kreatif mestilah ada pegangan yang boleh dijadikan landasan apabila menulis. Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) bolehlah dijadikan landasan untuk berkarya. Sebagaimana yang diketahui bahawa penulisan kreatif merupakan penulisan di mana penulisnya menggambarkan buah fikiran, gelodak perasaan, daya imaginasi dan daya kreativiti yang tentunya unik apabila penulis menceritakan daripada pengalamannya yang tersendiri dan bukan hanya melaporkan peristiwa ataupun cerita.

Penulisan kreatif ditulis berdasarkan suasana yang menarik perhatian dan penulisan kreatif tidak ditulis dengan gaya yang biasa-biasa sahaja. Oleh itu, penulisnya perlulah ada ilmu dan pegangan sendiri seperti mengetahui serba sedikit dalam tentang pemikiran pendidikan seperti yang terdapat dalam Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K). Sesungguhnya, jika para belia berminat untuk menulis atau menjadi penulis, bolehlah menceburkan diri dengan tujuan menjana minda dan juga menjadi sumber pendapatan hasil daripada penulisan mereka.

Dapatlah dirumuskan bahawa, teori SPB4K ini mementingkan suatu rumusan yang bersifat holistik dengan menekankan seluruh keupayaan dalaman dan

luaran seseorang manusia. Sekiranya para belia dapat mengaplikasikan teori SPB4K dalam kehidupan seharian mereka, mereka akan berusaha dan bersedia mendepani cabaran peralihan zaman. Belia yang kreatif dan inovatif memiliki sifat positif terhadap sebarang kemungkinan baru dalam kehidupan dan persekitarannya. Sikap yang positif akan mendorong belia berwatak inovatif, berfikiran kritis, kreatif dan bersikap suka membuat penambahbaikan menerusi kelainan dengan memanfaatkan segala ruang dan peluang di sekeliling mereka. Oleh hal yang demikian, pengkaji merasakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) amat sesuai untuk menganalisis kajian ini.

Analisis Kajian: Penulisan Kreatif Dapat Menjana Minda Belia

Belia ialah fasa di antara kanak-kanak dan dewasa. Istilah “belia” sering ditukar ganti dengan “remaja” dan “pemuda”, selalunya mempunyai ciri yang sama, Cuma sekali-sekala dibezakan. Golongan ini merupakan teras penting yang menggambarkan kewujudan negara pada masa akan datang. Istilah “belia” secara umumnya merujuk kepada mereka yang berumur di antara 15 hingga 25 tahun. Belia Malaysia ditafsirkan sebagai seseorang yang berumur 16 hingga 40 tahun.

Untuk maju ke hadapan, negara harus memastikan mempunyai modal insan terutama sekali para belia yang mampu melaksanakan tanggungjawab pembangunan mental, fizikal dan sosial. Hal ini bermakna para belia Malaysia, hendaklah menyediakan diri untuk mengambil tanggungjawab. Belia hari ini, mestilah berfikir kreatif untuk menentukan masa depan mereka. Untuk maju ke hadapan para belia mesti mengambil peluang yang ada di hadapan mereka. Banyak bengkel disediakan untuk mereka ikuti bagi mencari ilmu pengetahuan. Contohnya, banyak bengkel penulisan kreatif ditawarkan kepada belia-belia lepas sekolah atau Institut Pengajian Tinggi. Bengkel-bengkel ini biasanya mengajar para belia bagaimana cara menghasilkan penulisan kreatif seperti novel, cerpen, puisi, drama dan juga artikel-artikel yang boleh dimuatkan dalam majalah-majalah. Apa yang diperkatakan di atas bertepatan dengan pendapat Mohd Yusof Hassan dalam Teori Sisten Pemikiran Bersepadu 4K yang menyatakan bahawa pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan disepadukan dan digunakan oleh para belia untuk menghasilkan penulisan kreatif.

Mohd Yusuf Hassan dalam Siti Khariah Mohd Zubir (2011) menyatakan bahawa pemikiran kekreatifan ialah satu kemahiran yang paling penting yang perlu dimajukan oleh seseorang individu. Sungguhpun, ramai golongan belia mempunyai potensi untuk berfikir secara kreatif, namun masih ada antara segelintir yang cenderung kehilangan kreativiti menjelang dewasa kerana mereka takut menghadapi persaingan yang sangat mencabar dan kurang daya tahan untuk berdepan dengan perkembangan dan perubahan zaman. Para belia harus merebut peluang dalam bidang penulisan kreatif. Bidang ini menjanjikan pulangan yang lumayan sekiranya dilakukan dengan baik, berterusan dan tidak menambah dapat menambahkan kesedaran tentang cara memperkembangkannya dan mempergunakan kreativiti dalam diri dengan mempelajari perbezaan penting antara kaedah-kaedah penyelesaian masalah dan membuat sesuatu keputusan.

Cabaran perdana merupakan pandangan masa depan. Ia merupakan satu konsep yang membawa pelbagai konotasi peningkatan, pembangunan, perubahan serta penyesuaian dan persediaan dan orde baru amnya. Ia juga merangkumi semua aspek kehidupan dalam usaha merealisasikan negara maju seperti yang kita impikan dalam wawasan 2020. Salah satu cara untuk merealisasikan negara maju adalah dari segi perubahan. Banyak tulisan yang dihasilkan dan berkualiti pula, dapat menunjukkan kepada negara luar bahawa rakyatnya aktif dalam penulisan. Penulisan terbahagi kepada dua iaitu penulisan ilmiah dan penulisan kreatif.

Berfikir ialah keupayaan memindahkan kemahiran yang sedia ada kepada situasi lain. Para pakar ilmu Psikologi mengakui bahawa terdapat dua cara berfikir, iaitu berfikir secara analitikal-logikal dan cara kreatif. Cara berfikir analitikal-logikal menjurus kepada reaksi atau tindak balas yang 'dikehendaki' oleh pihak pencabar. Langkah ini membentuk sikap dan persekitaran yang terhad tanpa berani mengemukakan idea-idea baru.

Siti Khariah Mohd Zubir (2011:12) mengatakan bahawa para belia digalakkan menggunakan teknologi moden untuk meningkatkan pengetahuan mereka dalam semua bidang. Peningkatan dalam usaha penulisan kreatif amat bergantung kepada penggunaan teknologi moden dan sistem teknologi maklumat seiring dengan usaha memajukan aktiviti penulisan kreatif. Banyak usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk membantu para belia yang berminat dalam meneroka ilmu dalam bidang penulisan kreatif. Banyak bengkel-bengkel diwujudkan sama ada anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka atau pihak-pihak swasta yang lain. Objektif bengkel penulisan kreatif ini adalah untuk membimbing dan melatih para belia yang berminat dalam bidang penulisan, mengasah bakat kreativiti dalam bidang penulisan, mendorong penglibatan belia secara serius dalam bidang penulisan kreatif dan berusaha untuk menanamkan minat mereka terhadap sastera dan bidang penulisan dalam kalangan para belia dan sekaligus membangunkan *emotional quotient (EQ)* mereka.

Antara aspek-aspek yang disentuh oleh pembimbing dalam bengkel adalah tentang genre dan proses penulisan cerpen dan puisi secara umum, persediaan seorang pengarang dalam menghasilkan novel, cerpen dan puisi, proses penulisan kreatif, proses merangka sebuah cerpen dan novel atau tema sebuah cerpen atau novel. Belia-belie dibimbing tentang cara untuk mendapatkan ilham dan idea, latar masa, tempat dan sosial, watak dan cara mencipta watak, membentuk plot sesebuah kisah, hubung kait antara latar, watak dan plot serta sudut pandangan. Selain itu, para belia juga diberikan penerangan tentang elemen logik, mempamerkan emosi dan muatan pemikiran dalam sesebuah karya. Bahasa, tatabahasa, dan gaya bahasa, kesilapan umum mengarang, cara mengindahkan karya disentuh secara terperinci, begitu juga penyelesaian cerita, penggunaan ilmu bantu, aspek teknikal dan struktural mental blok dan cara mengatasinya. Bagi puisi pula, para belia diberikan penerangan tentang puisi secara umum seterusnya menyentuh tentang pemberian jasad puisi dan proses memberikan nyawa kepada puisi. Dengan adanya bengkel-

bengkel ini dapat membantu mencungkil bakat-bakat baru dalam kalangan para belia dalam bidang penulisan kreatif, sekali gus mereka mendapat tempat dalam media dan mungkin karya mereka diterbitkan. Dengan cara ini penulisan kreatif boleh membuka jalan untuk menjadi sumber pendapatan kepada para belia.

Fenomena pembangunan belia Malaysia khususnya berkaitan dengan kesusasteraan dalam bidang penulisan kreatif lebih banyak berfokus kepada aspek intrinsik. Para belia hari ini mulai sedar bahawa penulisan kreatif merupakan satu bidang yang harus diterokai untuk membangunkan sahsiah dan ekonomi. Dengan cara ini, para belia dapat memperkasakan intelektual, daya fikir dan minda kreatif mereka. Ia juga dapat mencetuskan fenomena dalam melahirkan generasi muda Malaysia yang ampuh dari aspek mental, peribadi, fizikal dan ekonomi. Contohnya Faizal Tehrani merupakan seorang belia yang mendapat peluang yang besar, khususnya diberikan oleh pihak DBP untuk beliau ke luar negara seperti Indonesia, Thailand, Turki dan Jerman untuk menimba ilmu pengetahuan.

Mawar Shafei (2006) menjelaskan bahawa sastera berperanan dan memberi impak terhadap pembangunan belia Malaysia khususnya terhadap pembangunan sahsiah. Ia juga membantu para belia menjana intelektual dan kreativiti mereka. Untuk menghasilkan karya kreatif ternyata bukan berangkat dari ruang vakum. Ia mengalami proses yang panjang dari proses pemikiran, pembacaan, imaginasi, pengolahan, pengeraman, pengeditan dan kritikan. Menerusi proses panjang ini, latihan menajamkan intelektual, cara berfikir secara kreatif dapat dilaksanakan. Secara kritis, penulis belia membaca karya-karya yang bermutu hasil tulisan sasterawan yang telah mampan. Tulisan para sasterawan itu dihadap dan dicerna dan ia antara lain dapat mendewasakan pemikiran, memperkasakan ragam bahasa dan memperkemarkan struktur naratif. Para belia dilatih untuk berfikir secara “kreatif dan kritis” dan sebaliknya bukan berfikir secara konvensional atau lumrah. Oleh itu, para belia dilatih untuk berfikir dan menganggap sesuatu dari “mata yang berbeza”.

Penulisan Kreatif Dapat Menjadi Sumber Pendapatan Belia

Terdapat ramai belia yang memperolehi keputusan yang baik dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu sukar mendapatkan pekerjaan apabila tamat tempoh persekolahan. Bagi mereka yang berjaya memasuki peringkat pelajaran yang lebih tinggi pula, iaitu ke universiti mereka juga mengalami masalah mendapatkan pekerjaan apabila tamat pengajian. Hal ini disebabkan oleh sukatan pelajaran kesusasteraan tidak memuatkan elemen yang boleh mendapat tempat dalam bidang ekonomi, terutama dalam sektor pelajaran swasta. Oleh sebab itu, para belia yang mempunyai kelulusan dalam bidang Kesusasteraan Melayu digalakkan mengikuti bengkel penulisan. Melalui bengkel-bengkel ini para belia diajar menulis pelbagai genre.

Ilmu yang didapati daripada hasil bengkel ini hendaklah digunakan oleh para belia untuk menghasilkan karya dari pelbagai genre. Pada masa sekarang menghasilkan sesebuah karya tidak lagi bersifat ideal hanya untuk menjalankan tanggungjawab sosial atau sebagai wadah ekspresi tetapi pada zaman yang serba

mencabar ini penulisan kreatif dalam fahaman masa kini ialah sebagai sumber pendapatan seseorang. Pembayaran royalti atau honorarium diberikan kepada penulis.

Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2007) menjelaskan bahawa bidang penulisan kreatif ini menawarkan banyak kerjaya yang sangat luas. Seseorang yang berbakat dan mempunyai minat yang tinggi dalam menulis karya kreatif boleh menjadikan bidang ini sebagai kerjaya mereka sama ada secara tetap atau sambilan. Setakat ini sudah ramai penulis kreatif dalam kalangan belia yang berjaya dalam bidang ini. Misalnya, Anis Mayuni atau nama sebenarnya Latifah Mohd Yusof, seorang guru tetapi membuat kerja sambilannya sebagai seorang penulis. Beliau mendapat pendapatan yang tinggi setiap kali novelnya diterbitkan oleh Penerbit Alaf 21. Manakala Liana Afiera Malik pula merupakan seorang belia yang menjadi penulis sepenuh masa di Penerbit Creative Enterprise turut membuktikan bahawa kerjaya ini mempunyai masa depan yang cerah. Novel-novelnya laku terjual dan sudah banyak kali diulang cetak oleh penerbit. Seorang lagi penulis dalam kalangan belia yang berjaya dan meraih pendapatan yang tinggi ialah Ahadiat Akasyah. Novel *Legenda Budak Setan 1* dan *Legenda Budak Setan 2* telah terjual lebih daripada 160 000 unit. Hal ini menunjukkan bahawa industri penulisan kreatif telah berkembang pesat di Malaysia dan ini menandakan peluang untuk membina kerjaya menarik dengan pendapatan yang lumayan demi masa depan belia.

Mohd Yusuf Hassan (2007:56) menyatakan bahawa pemikiran kekreatifan mempunyai ciri-ciri tersendiri. Yang pertama, menghasilkan idea baharu dan konsep baharu. Kedua, mengutamakan cara lain untuk melihat sesuatu yang sedang difikirkan. Ketiga, memberi tumpuan untuk mengubah idea yang sedia ada. Oleh itu, penulis berpendapat bahawa belia boleh menjana sumber pendapatan dengan menceburkan diri dalam bidang penulisan kreatif. Berdasarkan kepada prospek kerjaya yang luas dan konvensional, penulisan kreatif perlu dimasukkan ke dalam sukatan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM. Hal ini penting untuk menarik minat para belia mengambil mata pelajaran ini dan seterusnya menjamin kerjaya menarik dengan pendapatan yang lumayan demi masa depan para belia. Kebanyakan belia yang berminat dalam bidang penulisan kreatif ini berada dalam lingkungan 17 hingga 35 tahun. Di tangan mereka dapat dilahirkan bahan bacaan yang sesuai dinikmati khalayak sebaya khususnya belia.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan perkembangan semasa ekonomi global menunjukkan penulisan kreatif mampu dijadikan sebagai penjana minda dan salah satu sumber pendapatan. Bengkel-bengkel penulisan yang dijalankan dapat membimbing dan mengenal pasti para belia yang berpotensi dalam penulisan yang diharap akan lahir sebagai pemikir bagi menghasilkan karya yang bersifat membangunkan intelektual dan sahsiah khalayak. Menerusi kelahiran penulis belia ini juga dapat membentuk generasi belia Malaysia yang produktif dan dapat menjana ekonomi negara.

RUJUKAN

- Ayan & Jordan E. 2002. *Kreativitas*. Bandung: Gama Media Press.
- Mahaya Mohd Yassin. 2009. *Penulisan Kreatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. 2005. *Proses Penulisan Kreatif*. Singapura: EDN Media Singapura.
- Mawar Shafri. 2006. *Sastera dan Penulisan Dalam Agenda Pembangunan Belia Malaysia*. Bangi: UKM
- Mohamad Mokhtar Hassan. "Mentransformasikan Pengajian Kesusasteraan Melayu Dalam Koteks Ilmu Dan Nilai Pesanan". *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Keperluan Masa Depan Pengajian Kesusasteraan Melayu*. UPSI, Disember 2011.
- Mohamad Mokhtar Hassan. "Penilai Ke Arah Memartabatkan Kembali Kertas Kesusasteraan Melayu STPM". *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pendidikan Kesusasteraan Melayu*. Universiti Malaya. Disember 2007.
- Mohd Azli Lee Abdullah & Mohd Isnin Tawaf. 1997. *Proses Kreatif*. Kuala Lumpur: Percetakan Ikwon Sdn.Bhd.
- Mohd Yusuf Hassan dlm Siti Kariah Mohd Zubir. 2011. Pemikiran Belia Ke Arah Pemupukan Daya Kreatif Dan Inovatif Bagi Membangunkan Negara. *Malaysian Journal of Youth Studies* (4)1-19.
- Mohd Yusuf Hassan. 2007. *Teori Pendidikan Pemikiran Global*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Talib Samat. 2006. *Proses Kreatif dan Pengalaman Berkarya*. Ipoh: Percetakan Zainan Kassim Sdn.Bhd
- www.dailywritingtips.com
- [http://karnadya.com.my/V2/index.php?option=contentview=article&id=94.
tipuntukjadipenulis-kreatif&catid=ss:tips&hamid=198](http://karnadya.com.my/V2/index.php?option=contentview=article&id=94.tipuntukjadipenulis-kreatif&catid=ss:tips&hamid=198)
- <http://klikweb.dbp.my?p=525>

Profil Penulis

Siti Khairiah Mohd Zubir, PhD
Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa
Universiti Perguruan Sultan Idris
khariah@fb.upsi.edu.my